



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafs.gov.my

SIARAN MEDIA

PENERAPAN INOVASI TERKINI KUNCI PERTANIAN BERHASIL TINGGI

JOHOR BAHRU, 18 MEI 2023 – Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), YB Tuan Chan Foong Hin mengadakan lawatan kerja rasmi selama tiga hari ke Negeri Johor bermula hari ini.

Objektif lawatan ini adalah untuk meninjau projek-projek pertanian dibawah seliaan Jabatan dan Agensi KPKM bagi mendapatkan input berkaitan teknologi dan inovasi pertanian terkini selain mengadakan sesi libat urus bersama warga kerja KPKM dan pemain industri di Negeri Johor.

Salah satu lokasi yang menjadi tumpuan Chan adalah Projek Pertanian Moden (PPM) Kluang. Melibatkan peruntukan kewangan dibawah pengawasan terus KPKM, projek ini menempatkan aktiviti pertanian campuran iaitu tanaman, ternakan dan perikanan secara komersial dengan sasaran penerapan teknologi moden. Penglibatan para pengusaha yang berdaya saing dalam projek ini dijangka dapat membantu meningkatkan pengeluaran bahan makanan negara serta menjadikan PPM Kluang sebagai satu contoh pertanian campuran berskala besar.

Menurut Chan, beliau berharap projek ini akan menjadi suatu model projek pertanian bersepadu dan mendorong lebih ramai pengusaha untuk menggunakan teknologi terkini dalam aktiviti pertanian. Peningkatan produktiviti para petani dan penternak bukan sahaja berupaya meningkatkan pengeluaran makanan negara, malah menjadikan mereka sebagai contoh kepada kepada pemain industri lain berkenaan pengamalan pertanian baik menerusi penggunaan teknologi moden.

Dengan keluasan 9,210 ekar, PPM Kluang meliputi tiga lokasi berasingan iaitu Institut Veterinar Malaysia, Pusat Ternakan Haiwan Ayer Hitam, Pusat Ternakan Haiwan Padang Hijau dan Pusat Pertanian Ayer Hitam.

Selaras dengan pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber import, agenda keterjaminan makanan akan terus diberikan penekanan melalui beberapa inisiatif bagi mengukuhkan usaha keterjaminan makanan dalam negara.

Kementerian melalui Jabatan dan Agensinya sentiasa mengalu-alukan kerjasama strategik dan kolaborasi dengan syarikat-syarikat swasta dalam menggembelng sumber dan kepakaran masing-masing untuk meningkatkan pengeluaran makanan secara tempatan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada bekalan import serta menyokong agenda keterjaminan makanan negara.

Selain tinjauan ke lokasi pertanian di PPM Kluang, antara lokasi lain yang dilawati adalah ibu pejabat Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Pejabat MAQIS Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Ledang/Tangkak serta merasmikan Program Jualan Agro Madani @Peladang *Outlet*.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
18 MEI 2023